



Melayu di sempadan: Penghilangan konsonan obstruent-homorganik dalam dialek Melayu Patani

Zulkifley Hamid¹, Pareeda Hayeeteh¹

¹Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Zulkifley Hamid (email: zulkifley@ukm.edu.my)

Abstrak

Dari segi politik komuniti Melayu Patani dimiliki oleh Thailand. Bagaimanapun, kehampiran atau afiniti mereka dengan orang Melayu di utara Semenanjung Malaysia menyebabkan mereka dianggap sebagai lebih bersifat Malaysia daripada Thailand. Satu aspek yang mendasari kehampiran mereka dengan orang Melayu Malaysia ialah dialek mereka. Kajian ini dilakukan untuk menghuraikan persoalan penghilangan konsonan pada gugusan nasal-obstruen homorganik dalam dialek Melayu Patani. Gejala fonologi dalam kajian ini dianalisis dengan menerapkan Teori Fonologi Autosegmental Model KV. Data kajian diperolehi daripada penutur dialek Melayu Patani dari Kampung Nasa, Daerah Mayo, Wilayah Pattani, Thailand. Dapatan kajian mendapati bahawa penghilangan salah satu konsonan pada gugusan nasal-obstruen homorganik adalah disebabkan oleh proses *delinking* yang ada kaitan dengan faktor penyuaran pada obstruen tersebut. Data menunjukkan apabila gugusan obstruen itu memiliki fitur [+suara], obstruen akan dihilangkan. Namun, apabila obstruen yang hadir pada gugusan tersebut memiliki fitur [-suara], konsonan nasal yang akan dihilangkan. Melalui dapatan kajian ini, persoalan penghilangan konsonan nasal dan penghilangan konsonan obstruen bersuara pada gugusan nasal-obstruen telah dapat diuraikan dengan berpeda menggunakan Teori Fonologi Autosegmental Model KV.

Katakunci: afiniti, dialek Melayu Patani, konsonan obstruen homorganik, model KV, penghilangan, teori autosegmental

Borderland Malays: Obstruent-homorganic consonants deletion in Patani Malay dialect

Abstract

Patani Malays politically belong to Thailand. Yet their affinity with Malays of northern Peninsular Malaysia make them more identifiable with Malaysia than with Thailand. One fundamental aspect of this affinity with Malaysian Malays is their dialect. This study analysed linguistically the phonological issues of deletion of consonants in Patani Malay dialect. The deletion phenomena studied were the loss of consonants in the nasal obstruent homorganic cluster. The phonological issues discussed were analyzed using the CV Model of the Autosegmental Theory. Data were collected from speakers of Patani Malay dialect of the Nasa village, Mayo District of Pattani, Thailand. The study showed that the deletion of a consonant in the nasal obstruent homorganic cluster was related to the [+/-voicing] factor and as a result of delinking rule. Data showed that if the obstruent clusters present in the feature is [+voicing], the obstruent will be deleted, but if the obstruent clusters present in the feature is [-voicing], nasal consonant will be removed. Data from this study showed that the issues of the removal of nasal consonants have been fully explained using the CV Model of the Autosegmental Theory.

Keywords: affiniti, autosegmental theory, CV model, deletion, obstruent homorganic consonants, Patani Malay dialect

Pengenalan

Bahasa tidak terpisah daripada manusia. Mulai saat bangun sehingga tidur kembali, malah masa tidur sekalipun kadang-kadang manusia menggunakan bahasa dalam mimpi mereka. Bahasa ialah alat yang dipakai untuk membentuk fikiran dan perasaan, keinginan dan perbuatan; alat yang dipakai untuk mempengaruhi dan dipengaruhi. Bahasa dapat melambangkan keperibadian seseorang, yang baik mahupun sebaliknya serta melambangkan keluarga dan bangsa. Pembicaraan seseorang dapat melambangkan keinginannya, pergaulannya, adat istiadatnya dan sebagainya.

Bahasa adalah milik umum bagi sesebuah masyarakat. Manusia menggunakan bahasa dalam kumpulan tertentu untuk berinteraksi sesama mereka. Sebahagian besar kegiatan manusia melibatkan bahasa. Namun, sama seperti sifat manusia, bahasa juga memperlihatkan kepelbagaian. Kepelbagaian atau perbezaan yang terdapat dalam sesuatu bahasa merupakan salah satu perkara yang menarik perhatian manusia dan para pengkaji bahasa. Perbezaan yang wujud dalam sesuatu bahasa boleh bersifat fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, leksikal, semantik dan gaya. Terdapat beberapa dialek Melayu dalam kawasan semenanjung Malaysia dan kawasan Selatan Thailand, dan salah satunya ialah dialek Melayu Patani (DMP). Dialek ini digunakan di tiga wilayah di selatan Thailand, iaitu di Wilayah Yala, Naratiwat dan Pattani. Dialek ini memperlihatkan beberapa ciri linguistik yang berbeza daripada dialek Melayu lain, seperti pengguguran dan penambahan fonem dalam lingkungan tertentu.

Permasalahan kajian

Penghilangan adalah proses fonologi yang terdapat dalam DMP dan telah pun dibincangkan oleh beberapa pengkaji, antaranya Maneerat Chotikakamthorn (1981), Phaithoon Masminta Chaiyanara (1983) dan Waemaji Paramal (1991). Maneerat (1981) dalam tesisnya yang membandingkan sistem fonologi dialek Melayu Satun dengan DMP, telah membicarakan tentang gejala penghilangan yang berlaku dalam DMP. Maneerat (1981) mengemukakan beberapa contoh perkataan yang mengalami penghilangan suku kata pertamanya. Beliau mengemukakan beberapa contoh seperti dalam data di bawah:

<u>Bahasa Melayu Baku</u>	<u>Dialek Melayu Patani</u>	<u>Makna</u>
/buah/	/wəh/	buah
/duduk/	/do/	duduk
/emas/	/mah/	emas

Namun, dalam gejala penghilangan konsonan, beliau tidak menghuraikan bagaimana gejala ini boleh terjadi.

Gejala penghilangan dalam DMP juga dibincangkan oleh Waemaji Paramal (1991). Beliau mengemukakan beberapa gejala penghilangan fonem, suku kata dan morfem dalam dialek ini. Salah satu aspek penghilangan fonem yang terjadi dalam dialek ini adalah penghilangan nasal atau letupan pada gugusan konsonan nasal letupan homorganik. Sekiranya bunyi nasal itu diikuti oleh letupan homorganik bersuara, bunyi letupan itu yang digugurkan. Namun, sekiranya bunyi nasal itu diikuti oleh bunyi letupan homorganik tidak bersuara, bunyi nasal yang digugurkan, contohnya adalah sepertimana yang terdapat dalam data di bawah:

<u>Bahasa Melayu Baku</u>	<u>Dialek Melayu Patani</u>	<u>Makna</u>
/bəndaŋ/	/bəne/	bendang
/paŋgaŋ/	/paŋe/	panggung
/kampuŋ/	/kapeŋ/	kampung
/bantal/	/bata/	bantal


Namun, perbincangan Waemaji (1991) juga bersifat deskriptif. Beliau hanya mengemukakan contoh-contoh perkataan yang memperlihatkan wujudnya gejala fonologi tersebut tanpa menjelaskan motivasi atau sebab musabab kenapa bunyi tersebut dihilangkan atau digugurkan. Dengan kata lain, gejala penghilangan konsonan nasal atau konsonan letupan pada gugus konsonan nasal letupan homorganik setakat ini tidak dianalisis dengan berpada, iaitu analisis mereka tidak mencapai tahap kepada yang memuaskan kerana mereka tidak menganalisis gejala tersebut secara sistematik, malah lebih merupakan pernyataan atau deskripsi sahaja.

Berdasarkan hakikat ini, kajian ini berusaha untuk menjelaskan gejala fonologi tersebut dengan lebih berpada. Untuk itu teori fonologi autosegmental (TA) model KV akan diterapkan dalam menganalisis gejala fonologi ini kerana diandaikan teori ini mampu menjelaskan gejala fonologi ini dengan lebih berpada, iaitu mampu memperlihatkan justifikasi linguistik tentang kejadian atau gejala ini. Kajian ini cuba menyelesaikan persoalan fonologi ini, iaitu menghuraikan penghilangan salah satu konsonan pada gugusan konsonan nasal obstruen homorganik.

Kajian kepustakaan


Terdapat beberapa gejala fonologi dalam bahasa Melayu yang telah dikaji menggunakan pendekatan TA, antaranya ialah gejala epentesis schwa, bahasa rahsia dan pemanjangan konsonan. Zaharani (1994) berjaya menganalisis isu epentesis schwa dalam bahasa Melayu yang sebelum ini tidak dapat dianalisis dengan memuaskan. Beliau menggunakan TA model KV dalam menyelesaikan beberapa masalah yang didapati dalam isu tersebut. Zaharani (1994) menyelesaikan gejala epentesis schwa dengan menggunakan analisis non-linear teori fonologi suku kata. Dalam teori fonologi ini, representasinya terdiri daripada tiga tingkat, iaitu tingkat segmen/fonem, tingkat KV dan tingkat suku kata. Beliau menganggap *template* bagi kata dasar yang bersuku kata satu adalah KVK, iaitu sama gaತ್ರanya dengan bilangan fonem yang terdapat pada tingkat segmen. Seperti pada kata 'pam', representasi fonologi adalah seperti berikut:

1. Tingkat Suku kata




Apabila awalan nasal məN- digabungkan dengan kata dasar tersebut, maka representasi seterusnya adalah seperti dalam 2.

2. Tingkat Suku kata




Dalam kosa ilmu fonologi non-linear, segmen nasal ini lazim juga direpresentasikan sebagai [+ nasal] sahaja. Nasal tersebut memperoleh rumus asimilasi (lihat 3), iaitu satu proses penyebaran autosegmental (daerah artikulasi) daripada bunyi obstruen seperti dalam contoh berikut:




Dalam bahasa Melayu, segmen nasal ini tidak dapat berasimilasi dengan konsonan sonoran. Apabila asimilasi tidak berlaku, maka dengan sendirinya nasal tersebut tidak dapat direalisasikan. Oleh hal yang demikian, nasal ini pun digugurkan melalui rumus pengguguran nasal. Untuk menunjukkan bagaimana analisis non-linear fonologi suku kata menjelaskan proses epentesis bahasa Melayu, sila lihat proses derivasi 4:


4. (a) Representasi dalaman




(b) Rumus default




(c) Rumus epentesis



(d) Rumus default



(e) Representasi fonetik



Dalam derivasi 4, didapati segmen nasal N tidak berasimilasi dengan konsonan obstruen berikutnya, walaupun lingkungan yang diduduki oleh kedua-duanya menepati deskripsi struktural rumus asimilasi (lihat rumus 3). Hal ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang aneh dan pelik bagi rumus yang dikelaskan sebagai rumus leksikal. Kekecualian merupakan satu daripada ciri utama rumus leksikal. Apabila asimilasi tidak berlaku, maka segmen /ŋ/ akan direalisasikan sebagai ŋ melalui rumus default.

Konsonan nasal ŋ ini tidak boleh disukukatakan menjadi koda melalui rumus pembinaan koda kerana konsonan nasal tersebut tidak berhomorganik dengan konsonan obstruen berikutnya. Kekangan ini merupakan kekangan penyukuan bahasa Melayu yang mensyaratkan bahawa konsonan nasal yang menjadi koda suku kata mestilah berhomorganik dengan obstruen yang menjadi onset pada suku kata berikutnya. Apabila konsonan ŋ tidak boleh disukukatakan, maka konsonan tersebut akan menjadi ekstrasilabik atau *stray*. Berdasarkan konvensi universal, satu cara untuk menangani masalah ini adalah dengan pelaksanaan rumus epentesis schwa. Rumus epentesis beroperasi dengan cara konsonan ŋ yang bersifat *stray* dihubungkan dengan satu suku kata degenerat, iaitu suku kata yang tidak mempunyai nukleus. Nukleus V yang kosong itu kemudiannya diisikan dengan vokal schwa melalui rumus default yang bersifat khusus bahasa, dan akhirnya terhasillah representasi fonetik ‘məŋəpam’.


Dalam beberapa contoh tertentu, didapati ada juga kata-kata dasar yang konsonan obstruennya berasimilasi dengan segmen nasal /ŋ/. Yang nyata, apabila berlaku proses asimilasi, maka dengan

sendirinya rumus epentesis schwa tidak lagi diperlukan. Ketidakperluan ini ada kaitannya dengan suku kata penyukuan. Pelaksanaan rumus asimilasi akan menghasilkan konsonan nasal yang homorganik. Dalam proses penyukuan, konsonan nasal tersebut boleh disukukatakan menjadi koda suku kata. Oleh sebab konsonan nasal tidak bersifat ekstrasilabik, maka tidak ada motivasi yang boleh mendorong pelaksanaan rumus epentesis.

Analisis autosegmental yang menggunakan *template* KV yang diutarakan oleh Zaharani (1996; 2000; 2006) berbeza dengan analisis yang dikemukakan oleh Teoh (1986; 1989). Bagi Zaharani, gatra V yang mengandungi vokal epenteisis schwa itu wujud hasil daripada pelaksanaan rumus fonologi sebagai akibat masalah kekangan penyukuan, manakala Teoh pula mendakwa bahawa gatra V itu adalah bentuk dasar yang telah sedia ada pada peringkat representasi dalaman lagi. Dengan menganggap bahawa gatra V wujud melalui rumus fonologi sebagai akibat kekangan penyukuan, kita dapat menelaah dengan tepat mengapa penggabungan awalan /məŋ/ dengan kata dasar 'gam' menghasilkan 'menggām' bukan '*mengegam'. Proses yang dilaksanakan dapat dilihat melalui derivasi seterusnya:


a) Representasi dalaman

Tingkat Suku kata




b) Rumus default

Tingkat Suku kata



c) Representasi fonetik

Tingkat Suku kata



Dalam derivasi di atas, didapati konsonan nasal ŋ yang dihasilkan melalui rumus default (bukan rumus asimilasi) tidak bersifat ekstrasilabik atau *stray*. Konsonan nasal ini berhomorganik dengan konsonan /g/ yang berikutnya, dan kerana itu dapat disukukatakan menjadi koda. Apabila proses penyukuan telah lengkap dan sempurna, maka dengan sendirinya rumus epentesis tidak diperlukan kerana dikhuatiri akan

menghasilkan bentuk yang lewah. Gejala epentesis schwa dalam bahasa Melayu yang sebelum ini gagal ditangani dengan baik dan berpada, sama ada melalui analisis linear menggunakan teori standard dan juga analisis non-linear menggunakan teori template, dan Zaharani telah menyelesaikan gejala tersebut dengan baik dan berpada melalui analisis non-linear Teori Autosegmental Model KV.

Metodologi kajian

Dalam bahagian ini akan dihuraikan beberapa aspek tentang metodologi kajian termasuklah; kawasan kajian, kaedah pengumpulan data, informan dan kerangka teori.

Kawasan kajian

Untuk mendapat dan mensahihkan data, kajian telah dilakukan di kampung Nasa iaitu salah sebuah kampung di Mukim Lubukjerai, Daerah Mayo, Wilayah Pattani, Thailand. Kawasan ini dipilih kerana didapati kawasan ini memenuhi ciri sebuah kawasan yang sesuai dari sudut kajian dialek. Penulis memilih 3 orang penutur jati yang terdiri daripada 2 orang lelaki dan seorang perempuan. Semua mereka adalah golongan dewasa yang berumur antara 45-55 tahun. Informan yang berumur telah dipilih bertujuan untuk memperoleh bentuk bahasa asal dan konservatif.

Kaedah pengumpulan data

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data ialah kaedah budaya benda dan kaedah senarai kata. Kaedah budaya benda ialah cara mendapatkan data dengan menghuraikan sesuatu benda dengan terperinci, sama ada dari segi saiz, ketinggian, warna, kegunaan, dan sebagainya. Kadang-kadang penulis menunjukkan benda kepada informan. Seperti bagi perkataan 'gunting' 'lembu', 'pisang', penulis menunjukkan benda itu kemudian menanyakan informan apakah panggilan untuk benda ini. Informan menyebutkan /gutiŋ/, /ləmu/, /pisE/ dan sebagainya. Penulis menanya lagi di manakah makcik selalu pergi, iaitu pada waktu pagi dan petang. Informan menjawab /pagi gi lə gətɔh pətə gi bənɛ/ iaitu 'pagi pergi ke kebun getah petang pergi ke bendang'. Soalan ini dikemukakan bertujuan untuk mengetahui kata 'bendang' dalam DMP, iaitu /bənɛ/. Selain kaedah budaya benda, kaedah senarai kata juga digunakan untuk mendapatkan kata yang tepat dan cepat. Melalui kaedah ini satu senarai kata disediakan sebelum pengkaji berjumpa dengan informan. Pengkaji kemudian menanyakan bagaimanakah sebutan bagi kata 'gambar' dalam dialek Patani. Apabila informan menyebutkan kata-kata yang telah ditanya, pengkaji akan mencatat sebutan tersebut. Penulis akan menanya sehingga habis senarai kata yang telah disediakan.

Informan

Untuk menjayakan sesebuah kajian bahasa, informan adalah penting dalam membantu penyelidik untuk mendapatkan data. Dalam kajian ini penulis memilih tiga orang informan berdasarkan kriteria berikut:

- a) Penutur jati DMP yang menetap di kampung Nasa, Daerah Mayo,
- b) Umur dalam lingkungan 45-55 tahun,
 - Informan 1 (51 tahun)
 - Informan 2 (55 tahun)
 - Informan 3 (46 tahun)
- c) Sihat dan mempunyai organ pertuturan yang baik,
- d) Tidak pernah mendapat pendidikan formal.

Kriteria pemilihan informan di atas adalah bersesuaian dengan keperluan kajian.

Kerangka teori

Kajian ini menggunakan Teori Autosegmental Model KV sebagai kerangka teori. Teori ini mula diperkenalkan oleh Goldsmith dalam tesis Ph.Dnya bertajuk *Autosegmental and Metrical Phonology* pada tahun 1976, dan ditambah baik dalam edisi baru pada tahun 1990. TA merupakan satu anjakan dari fonologi generatif. TA terbahagi kepada tiga model iaitu model X, model KV dan model Mora. Goldsmith memperkenalkan teori non linear ini dalam menganalisis beberapa bahasa di Afrika. Model yang digunakan ialah model X dan model KV. Pada peringkat awal penonjolannya, TA diaplikasikan untuk menangani fenomena yang berlaku hanya dalam aspek fonologi, seperti fenomena pemanjangan kompensatori, fenomena kontur tona, fenomena harmoni vokal, fenomena nasalisasi vokal dan lain-lain. Setelah ia berkembang, teori ini mula diaplikasikan kepada aspek morfologi, terutamanya untuk menangani masalah fenomena yang berhubung dengan morfologi pola dan akar dalam bahasa, dan juga aspek reduplikasi atau penggandaan (Zaharani, 2000).

Dapatan kajian

Sebelum kita menganalisis dan membuat generalisasi umum tentang penghilangan salah satu konsonan dalam DMP, kita harus melihat dahulu fenomena penghilangan dalam dialek ini. Salah satu fenomena penghilangan yang didapati ialah penghilangan salah satu konsonan pada gugusan nasal-obstruen dalam lingkungan tertentu.

Penghilangan konsonan pada gugusan nasal-obstruen

Fenomena penghilangan konsonan dalam dialek Patani terjadi pada gugusan konsonan nasal – obstruen. Data memperlihatkan kepada kita bahawa berlaku penghilangan konsonan nasal apabila konsonan tersebut diikuti oleh konsonan letupan tak bersuara yang berhomorgan dengannya. Contohnya kata /bantal/ menjadi [bata] dan /ləmbu/ menjadi /ləmu/. Kedua-dua maklumat di atas membayangkan bahawa proses penghilangan nasal begitu terbatas sifatnya. Fenomena penghilangan nasal bagi kata-kata tersebut dapat dianalisis seperti berikut:

1. /bantal/> [bata] 'bantal'

a) Representasi dalaman

Tingkat suku kata	σ	σ			
Tingkat KV	K	V	K	V	K
Tingkat segmen	b	a	n	t	a l
Tingkat nasal	[+nasal] [-nasal]				
	[+suara] [-suara]				


b) Pemetaan prosodi

Tingkat suku kata

Tingkat KV

Tingkat segmen

Tingkat nasal




c) Penghilangan nasal

Tingkat suku kata

Tingkat KV

Tingkat segmen

Tingkat nasal




d) Penghilangan konsonan sisian di akhir kata

Tingkat suku kata

Tingkat KV

Tingkat segmen




e) Representasi permukaan

Tingkat suku kata

Tingkat KV


Tingkat segmen



Representasi dalaman pada derivasi (a) terdiri daripada tingkat suku kata, tingkat KV, tingkat segmen dan tingkat nasal. Representasi fonologi diwakili oleh tingkat segmen iaitu /bantal/. Pada tingkat KV pula segmen K dan V diwakili oleh KVKVK. Tingkat suku kata diwakili oleh dua simbol kata (σ).

Derivasi kedua (b) melibatkan proses pemetaan prosodi yang menghubungkan kesemua unit fonologi. Nukleus dibina dengan menghubungkan segmen V dengan rima suku kata. Konsonan yang berhubung di sebelah kiri dengan vokal akan menjadi onset. Konsonan di sebelah kanan vokal menjadi koda. Proses penghubungan dilakukan dari kanan ke kiri mengikut acuan *template*. Proses penghubungan dimulakan pada tingkat nasal yang melibatkan [\pm nasal] di tingkat segmen. Tingkat segmen pula melibatkan gatra vokal dengan V dan gatra konsonan dengan K di tingkat KV. Kemudian tingkat KV dihubungkan dengan tingkat suku kata.

Derivasi ketiga (c) melibatkan penghilangan nasal di posisi onset suku kata kedua. Konsonan yang dihilangkan pada onset di sini ialah konsonan nasal /n/ yang diikuti oleh konsonan obstruen tak bersuara /t/ yang berhomorgan antara satu sama lain iaitu /-nt-/ berkungsi fitur koronal, seperti dalam peta berikut:




Dipetik dan diubahsuai dalam Zaharani Ahmad (2006:119)

Peta 1. Representasi Autosegmental Hentian nasal /n/ dan obstruen /t/

Mengikut Peter (dalam Adi Yasran & Zaharani 2006: 131) nasal adalah lebih lemah daripada obstruen kerana dalam kes pertembungan nasal-obstruen, pengguguran nasal lebih banyak berlaku daripada pengguguran obstruen. Mengikut beliau, kejadian ini bukan hanya berlaku dalam DMP atau dialek Kelantan, malah turut berlaku dalam bahasa Venda, Swahili, Maore, dan dalam kalangan kanak-kanak berbahasa Inggeris. Di sini juga dapat diperhatikan bahawa faktor penyuaran memainkan peranan dalam menentukan proses penghilangan pada gugusan konsonan nasal obstruen. Konsonan yang tak bersuara mempunyai peranan yang lebih kuat daripada konsonan yang bersuara. Oleh itu yang dihilangkan pada fenomena ini ialah nasal kerana nasal ialah konsonan bersuara. Segmen K yang tidak dihubungkan dengan mana-mana konsonan, dengan sendirinya akan digugurkan melalui konvensi umum yang dikenali sebagai *Stray Erasure*. Konsep *Stray Erasure* menyatakan mana-mana fonem yang tidak dapat dihubungkan dengan gatra K atau V dengan sendirinya akan digugurkan. Oleh itu segmen konsonan nasal /n/ akan digugurkan. Penghilangan obstruen tak bersuara seperti derivasi (f) /bantal/ → */bana/ tidak pernah wujud dalam DMP. Data kajian menunjukkan derivasi seperti ini tidak pernah wujud dalam DMP.

(f) */bana/




Derivasi (d) ialah penghilangan sisian di akhir kata. Konsonan sisian /l/ dihilangkan kerana syarat koda suku kata dialek Kelantan hanya membenarkan segmen [ʔ, h, ŋ] menduduki posisi koda pada suku kata akhir (Adi Yasran dan Zaharani 2006:81). Begitu juga halnya dengan DMP.

Segmen K yang tidak dihubungkan dengan mana-mana konsonan, dengan sendirinya akan digugurkan melalui konvensi umum yang dikenali sebagai *Stray Erasure*. Oleh itu segmen konsonan sisian /l/ akan digugurkan. Derivasi (e) merupakan output yang dihasilkan. Pengguguran nasal /n/ berlaku pada gugusan nasal /n/ dengan obstruen tak bersuara /t/. Maka, berlakulah penghilangan konsonan nasal itu, dan didapati bentuk [bata] dalam representasi permukaan.

2. /ləmbu/ > [ləmu] 'lembu'


a) Representasi dalaman



Derivasi ketiga (c) melibatkan proses penghilangan obstruen bersuara. Konsonan yang dihilangkan di sini ialah konsonan obstruen bersuara /b/ yang didahului oleh konsonan nasal yang berhomorgan antara satu sama lain, iaitu /mb/ berkungsi fitur labial. Segmen K yang tidak dihubungkan dengan mana-mana konsonan, dengan sendirinya akan digugurkan melalui konvensi umum yang dikenali sebagai *Stray Erasure*. Oleh itu segmen konsonan obstruen bersuara /b/ akan digugurkan.

Di sini juga dapat diperhatikan bahawa kedua-dua gugusan konsonan nasal obstruen adalah [+suara]. Oleh itu faktor penyuaran di sini bukan persoalan untuk dihilangkan, tetapi yang dihilangkan ialah obstruen bersuara, iaitu bunyi /b/ dan bukan bunyi nasal /m/. Dapatan menunjukkan proses penghilangan nasal pada gugusan nasal obstruen bersuara seperti derivasi (f) /ləmbu/ → */ləbu/ tidak pernah berlaku. Data kajian membuktikan bahawa derivasi seperti ini tidak pernah wujud dalam DMP.

(f) */ləbu/



Derivasi (d) merupakan output yang dihasilkan. Penghilangan konsonan /m/ berlaku pada gugusan nasal /m/ dengan obstruen bersuara /b/. Maka, berlakulah penghilangan konsonan obstruen itu, dan didapati bentuk [ləmu] dalam representasi permukaan. Representasi 1 dan representasi 2 ini bertujuan untuk membahaskan mengapa penghilangan berlaku pada gugusan konsonan nasal obstruen ini berbeza, iaitu pada gugusan konsonan nasal obstruen tak bersuara, nasal yang dihilangkan manakala pada gugusan konsonan nasal obstruen bersuara, konsonan obstruen bersuara dihilangkan.

Hasil penganalisan data dengan jelas membayangkan bahawa pada gugusan nasal dengan obstruen tak bersuara, kedua-dua konsonan tersebut mempunyai ciri yang berbeza iaitu daripada aspek penyuaran. Konsonan nasal /m,n,ŋ/ tergolong dalam konsonan bersuara, manakala konsonan obstruen /p,t,k/ tergolong dalam obstruen tak bersuara. Apabila gugusan nasal obstruen tak bersuara hadir bersama, nasal mengalami penghilangan, manakala pada gugusan nasal dengan obstruen bersuara /b,d,g/, kedua-duanya mempunyai ciri yang sama iaitu bersuara. Apabila gugusan nasal obstruen bersuara hadir bersama, obstruen bersuara yang mengalami penghilangan. Melalui penghilangan yang didapati di sini dapatlah disimpulkan bahawa dalam DMP pada gugusan nasal obstruen tak bersuara, nasal akan mengalami penghilangan, manakala bagi gugusan nasal obstruen bersuara, obstruen bersuara yang mengalami penghilangan.

Kesimpulan

Persoalan penghilangan konsonan nasal obstruen homorganik dapat dianalisis dengan baik dan berpada melalui TA model KV. Analisis ini lebih berpada daripada analisis yang dikemukakan oleh pengkaji

sebelum ini, seperti Maneerat Chotikakamthorn (1981) dan Waemaji Paramal (1991). Walaupun mereka bersependapat bahawa dalam DMP wujud proses penghilangan, namun pemerian mereka adalah bersifat deskriptif, kerana mereka sekadar memaparkan data dan tidak dapat menjelaskan motivasi linguistik kenapa gejala ini terjadi dan bagaimana pula berlakunya proses penghilangan salah satu konsonan obstruen homorganik.

Melalui kajian ini, persoalan penghilangan konsonan nasal dan penghilangan konsonan obstruen bersuara pada gugusan nasal obstruen, dapat diuraikan dengan berpada melalui TA model KV. Gejala penghilangan nasal atau obstruen bersuara pada gugusan nasal-obstruen terjadi akibat faktor penyuaan. Ini dapat diperhatikan bahawa faktor penyuaan dapat menentukan penghilangan. Apabila gugusan nasal [+suara] hadir bersama obstruen [-suara], yang mengalami penghilangan ialah [+suara], iaitu nasal, manakala pada nasal [+suara] yang hadir bersama obstruen [+suara], yang mengalami penghilangan ialah obstruen. Penghilangan pada tingkat tertentu menyebabkan *template* mengalami kekosongan atau *stray*. Mengikut TA, *template* yang kosong dapat ditangani dengan rumus pengguguran.

Kajian ilmiah bagi aspek fonologi DMP masih lagi berkurangan, oleh itu disarankan supaya lebih ramai pengkaji meneliti isu-isu yang melibatkan aspek fonologi dengan menerapkan TA. Isu-isu ini bukan sahaja tertumpu kepada gejala penghilangan konsonan tetapi terdapat beberapa gejala lain yang harus diselesaikan, seperti gejala penambahan konsonan nasal di akhir kata, pemendekan beberapa kata menjadi satu kata, dan sebagainya. Hal ini bukan sahaja dapat menambahkan lagi khazanah ilmu linguistik bahasa Melayu tetapi menyumbang ke arah memantapkan lagi ilmu tentang DMP yang masih lagi dituturkan oleh para penutur di tiga wilayah selatan Thailand.

Rujukan

- Adi Yasran Abdul Aziz, Zaharani Ahmad (2006) Kelegapan fonologi dalam rima suku kata tertutup dialek Kelantan. *Jurnal Bahasa* 6 (1), 76-96.
- Goldsmith JA (1976) *Autosegmental and metrical phonology*. Basil Blackwell, Cambridge.
- Goldsmith JA (1990) *Autosegmental and metrical phonology*. Basil Blackwell, Oxford.
- Maneerat Chotikakamthorn (1981) A comparative study of phonology in Satun Malay and Pattani Malay (Tesis sarjana). Mahidol University.
- Phaithoon Masminta Chaiyanara (1983) Dialek Melayu Patani dan bahasa Melayu: Satu perbandingan dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis (Tesis sarjana). Universiti Malaya.
- Teoh Boon Seong (1986) Fonologi – Satu pendekatan autosegmental. *Jurnal Dewan Bahasa* 29(8), 731-743.
- Teoh Boon Seong (1989) Syarat koda suku kata dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 33(11), 843-850.
- Waemaji Paramal (1991) Long consonants in Patani Malay: The result of word and phrase shortening (Thesis Master). Mahidhol Universiti.
- Zaharani Ahmad (1994) Epentesis schwa dalam bahasa Melayu: Suatu analisis fonologi non-linear. *Jurnal Dewan Bahasa* 38(8), 676-689.
- Zaharani Ahmad (1996) Teori optimaliti dan analisis deretan vokal bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 40(6), 512-527.
- Zaharani Ahmad (2000) Penggandaan separa bahasa Melayu: Suatu analisis autosegmental. *Jurnal Dewan Bahasa* 44(7), 722-736.
- Zaharani Ahmad (ed) (2006) *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.